

Headline	TNB percepat pelaksanaan HHFS		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	37
ArticleSize	425 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 33,087		



# TNB percepat pelaksanaan HHFS

**PETALING JAYA** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) merancang untuk mempercepat pelaksanaan projek Solar Terapung – Hibrid Hidro (HHFS) 2,500 megawatt (MW) di kawasan tasik empangan hidronya bermula dengan 30MW di Empangan Hidro Chenderoh, diikuti Empangan Hidro Temenggor dan Kenyir.

Ia susulan kejayaan projek percubaan solar terapung di kolam abu seluas 175 hektar di Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS), Manjung yang telah menghasilkan lebih 600 megawattjam tenaga sejak 2019.

Terdapat 288 modul PV solar yang telah dipasang dengan kapasiti sebanyak 105.12 kilowattpeak (kWp), setara dengan pengurangan karbon dioksida sebanyak 390 tan selama empat tahun beroperasi atau penyera-

pan karbon dioksida oleh 15,624 pokok.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Baharin Din menjelaskan, dengan menggunakan air untuk pemasangan solar, pihaknya boleh menjimatkan penggunaan tanah, mengekalkan habitat semula jadi dan mengurangkan pengewapan air.

Berbeza dengan loji jana kuasa termal, ladang solar terapung tidak menghasilkan buangan air atau udara yang boleh memberi kesan negatif kepada kualiti persekitaran, membantu mengurangkan pencemaran dan menyokong biodiversiti dengan kadar gangguan yang minimum kepada ekosistem akuatik.


"Solar terapung adalah sejajar dengan prinsip pembangunan tenaga lestari dengan mengurangkan impak peruba-

han iklim melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau serta memberikan manfaat ekonomi dari segi pelaburan dan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan.

"Secara keseluruhannya, ia mencerminkan integrasi harmoni penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) dengan pemeliharaan alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Baharin, usaha dalam bidang solar terapung merupakan sebahagian daripada strategi TNB untuk mempercepat dekarbonisasi dalam penjana tenaga.

"Ladang solar terapung boleh melengkapkan sumber TBB lain untuk membekalkan tenaga kepada grid kebangsaan dengan potensi untuk meningkatkan tenaga bersih secara ketara," tambahnya.



ANAK syarikat TNB, TNB Power Generation Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sedang mengkaji kebolehlaksanaan untuk pemasangan HHFS sehingga 100MW di Sungai Perak.